

# SEJARAH TINGKATAN 4 CIKGU KAMAL

SEJARAH TINGKATAN 4			
BAB	TOPIK	TARIKH	CATATAN
BAB 1	WARISAN NEGARA BANGSA		
BAB 2	KEBANGKITAN NASIONALISME		
BAB 3	KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA		
BAB 4	ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA		
BAB 5	PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948		
BAB 6	ANCAMAN KOMUNIS DAN PENGISYIHKARAN DARURAT		
BAB 7	USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN		
BAB 8	PILIHANRAYA		
BAB 9	PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957		
BAB 10	PEMASYHURAN KEMERDEKAAN		

**BAB 7: USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN****7.1 LATAR BELAKANG IDEA NEGARA MERDEKA**

Perkembangan Politik Antarabangsa dan Serantau:

- Mempengaruhi gelombang politik negara kita
- Mencetuskan idea negara merdeka

**1938**

- Kesatuan Melayu Muda
- Ibrahim Yaacob
  - Konsep Melayu Rata untuk memperjuangkan merdeka
  - Penyatuan bangsa dan dunia Melayu
    - Persamaan daerah, darah, kebudayaan dan bahasa sebagai rumpun yang sama iaitu MELAYU
  - KMM diharamkan British
    - Idea diperjuangkan oleh KRIS dan PKMM

**1945**

- Parti Kebangsaan Melayu Malaya
  - Dr Burhanuddin Al-Helmy, Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam
    - Menanam semangat kebangsaan berkerjasama dengan kaum lain
    - Memperjuangkan kemerdekaan melalui “Melayu Raya”
    - Slogan “Merdeka”
    - PKMM mendaulatkan hak rakyat dari segi politik, ekonomi dan sosial serta kebudayaan

**1946 (Angkatan Pemuda Insaf)**

- Ahmad Boestamam
  - Menekankan pemerintahan demokrasi dan dasar ekonomi
  - Mengutamakan rakyat serta keadilan sosial
- Testament Politik API
  - Disember 1946
  - Slogan “Merdeka dengan Darah”
  - Perjuangkan Merdeka
    - Lembut (Jalan terbuka)
    - Keras (Jalan terpaksa)
- API diharamkan oleh British kerana radikal

**Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak**

- Datu Patinggi Abang Haji Abdillah
  - Gerakan menentang penyerahan Sarawak kepada British
  - Sarawak merdeka di bawah pemerintahan Brooke seperti yang dijanjikan dalam Perlembagaan 1941

**Pergerakan Pemuda Melayu**

- Penyerahan Sarawak kepada British
  - Ditentang oleh Pergerakan Pemuda Melayu (Sibu)
- Catatan “Merdeka” iaitu surat PPM
  - Gerakan PPM telah merdekakan Sarawak
- Anggota PPM
  - Pakatan Sulit Rukun 13
  - Membunuhi gabenor pegawai British dan Datu Melayu kerana menyokong penyerahan

**United Malays National Organization (UMNO)**

- UMNO:
  - Dato Onn Jaafar
    - Menyatukan Melayu
    - Mempertahankan hak bangsa Melayu
    - Kedudukan Raja-Raja Melayu
  - Slogan “Hidup Melayu”
    - Umno menentang Malayan Union untuk memeliharaan “status quo” Melayu dan kedaulatan Raja-raja Melayu
  - Slogan “Merdeka”
    - Memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu melalui perundingan

**1946**

- Parti Kebangsaan Melayu Labuan
  - PKMM mempengaruhi PKML di Sabah
  - PKML dianggotai oleh Tengku Noordin dan Zakaria Gunn
    - Dasar tidak setuju dengan penjajah
    - Menuntut Sabah dimerdekakan
    - Laungan “Hidup Melayu, Merdeka”
      - Penulisan surat Zakaria Gunn (Ahli PKML)

**Malayan Indian Congress**

- John Thivy
  - Bekerjasama dengan kaum lain
    - Usaha kearah Kemerdekaan Tanah Melayu
  - Kewarganegaraan tunggan dan melafazkan taat setia
    - Menerima Tanah Melayu sebagai tanah air

**1947**

- Hizbul Muslimin
  - Maahad Al-Ehya Assharif, Gg Semanggol, Perak
  - Melahirkan Majlis Agama Islam Tertinggi (MATA)
    - Dipimpin oleh Abu Bakar Al-Baqir, Sheikh Fadhilah Suhami dan Sheikh Abdullah Fahim
  - MATA melahirkan “Hizbul Muslimin”
    - Matlamatnya untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu sebagai negara Islam
  - British mengharamkan “Hizbul Muslimin”

**1949**

- Malayan Chinese Association (MCA)
  - Tan Cheng Lock
  - MCA ingin menjadikan Tanah Melayu berbilang kaum dan sebuah negara demokrasi penuh
  - Menyatukan masyarakat Cina dan kaum lain untuk memerdekakan Tanah Melayu

**1951**

- Parti Islam Se-Tanah Melayu
  - Dr Burhanuddin Al-Helmy (Yang Dipertua PAS)
  - PAS bercita-cita untuk membina negara dan bangsa yang teguh
    - Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan
    - Kemerdekaan PAS iaitu Tanah Melayu merdeka dengan hukum Islam

## **7.2 JAWATANKUASA HUBUNGAN ANTARA KAUM (CLC)**

- Ketegangan Kaum meningkat selepas Perang Dunia ke-2
- Timbul kesedaran di antara Pemimpin Kaum dan Kerajaan British
- Tentang kepentingan perpaduan:
  - Kaum Melayu
  - Kaum India
  - Kaum Cina
- Perundingan Pemimpin Kaum
  - Untuk Kestabilan politik, ekonomi dan sosial kearah berkerajaan sendiri

### **Penubuhan Jawatan Kuasa Hubungan Antara Kaum**

- JHAK/CLC ditubuhkan pada 1949
- Moto mereka ialah “Kesamaan dan Keadilan untuk penduduk Tanah Melayu
- Objektif:
  - Mengkaji hubungan kaum secara mendalam
  - Membetulkan keadaan politik, sosial dan ekonomi
    - Pembahagian adil kepada komuniti
  - Mewujudkan suasana harmoni dan muhibah kepada penduduk negara

### **Anggota JHAK/CLC**

- Penasihat : Malcolm MacDonald (Gabenor Jeneral Asia Tenggara)
- Pengurus : EEC Thuraisingam
- Wakil Melayu:
  - Dato Onn Jaafar (Presiden UMNO)
  - Dato Abdul Wahadi (Menteri Besar Perak)
  - Salleh Hakim (Ahli Majlis Perundingan Selangor)
  - Dr Mustapha Osman (AJK UMNO)
  - Zainal Abidin Haji Abas (Setiausaha UMNO)

- Wakil Cina:
  - Tan Cheng Lock (Melaka)
  - CC. Tan (Singapura)
  - Lee Tiang Keng (Pulau Pinang)
  - Yong Shook Lin (Selangor)
- Ahli lain:
  - Roland Braddel (wakil Eropah)
  - L.R Doraisamy Syer (wakil India)
  - Dr J.S Goonting (wakil Serani)
- JHAK/CLC
  - Kesedaran politik oleh pemimpin kaum
  - Pemimpin perlu berkongsi kepentingan dan membentuk hala tuju yang sama
- Peranan JHAK/CLC
  - Politik:
    - Mencadangkan peralihan kea rah berkerajaan sendiri dilakukan dengan memberikan pengalaman pilihanraya secara berperingkat kepada penduduk Tanah Melayu
  - Kedudukan istimewa orang Melayu:
    - Bersetuju agar orang Melayu wajar mempunyai kedudukan keistimewaan kerana menunjukkan taat setia yang tidak berbelah bagi dan mengiktiraf negara ini satu-satunya tanah air mereka
  - Kedudukan ekonomi orang Melayu:
    - Mencadangkan penubuhan agensi untuk meningkatkan ekonomi dan pendidikan orang Melayu
  - Kewarganegaraan Bukan Melayu:
    - Bersetuju kewarganegaraan kepada bukan Melayu penting bagi memupuk taat setia kepada Tanah Melayu dan kerjasama dalam kalangan penduduk
  - Pendidikan:
    - Mencadangkan sistem pendidikan yang seragam dan perpaduan kaum di Tanah Melayu